

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**HFA 101 – Pengantar Falsafah**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan sahaja. **SATU** soalan dari Bahagian A, **SATU** soalan dari Bahagian B, dan **SATU** soalan lagi dari Bahagian A **ATAU** B.

Jawab soalan Bahagian A dan B dalam buku jawapan yang berasingan.

**Bahagian A:**

Perhatian: Bahagian [a], [b] dan [c] mempunyai pemberatan yang sama.

1. Dalam dialog Plato berjudul "Meno", Socrates menyatakan sekiranya manusia mempunyai ilmu, maka dia tidak akan mencari ilmu dan sekiranya manusia tidak berilmu, dia tidak dapat mencarinya kerana dia tidak akan mengetahui apa yang hendak dicari.
  - [a] Apakah penyelesaian Socrates kepada masalah tersebut?
  - [b] Apakah bukti/hujahan yang telah dikemukakan oleh Socrates untuk menyokong pandangannya mengenai masalah tersebut?
  - [c] Adakah anda bersetuju dengan pandangan Socrates? Beri alasan yang baik untuk pandangan anda.
  
2. Mengikut Plato, walaupun manusia hanya menanggapi benda-benda khusus, dia mempunyai pengetahuan mengenai idea atau konsep umum.
  - [a] Bagaimanakah Plato menjelaskan manusia mempunyai pengetahuan mengenai idea atau konsep umum?
  - [b] Apakah hujahan yang telah dikemukakan oleh Plato untuk menyokong pandangannya?
  - [c] Adakah anda bersetuju dengan pandangan Plato? Beri alasan yang baik untuk pandangan anda.
  
3. Dalam pemikiran metafizik Ibn Sina, *wujud* dan *mahiyyah* adalah dua konsep yang amat penting.
  - [a] Apakah yang dimaksudkan oleh Ibn Sina dengan *wujud* dan *mahiyyah*?
  - [b] Mengikut Ibn Sina adakah *wujud* dan *mahiyyah* bersepadu?
  - [c] Apakah kepentingan dan sumbangan pembicaraan Ibn Sina mengenai [a] dan [b] terhadap pemikiran metafizik?

**BAHAGIAN B:**

4. [a] Jelaskan konsep *Tao*, terutamanya pertalian *Tao* dengan *You* dan *Wu*.  
[50 markah]
- [b] *Yin-Yang* adalah suatu polariti dialektik. Terangkan maksud polariti dialektik dalam konteks Taoisme awal dan huraikan maksud “perarakan dan perkembalian” (procession and return).  
[50 markah]
5. [a] Bincangkan fahaman *wu-wei* dalam perspektif epistemologi.  
[50 markah]
- [b] Huraikan bagaimana *Yin-Yang* dapat digabungkan dengan konsep *wu-wei* untuk memberi satu ilustrasi tentang perspektif etika *wu-wei*.  
[50 markah]
6. [a] Apakah pendapat anda tentang idea “perkembalian kekal” (eternal return) Nietzsche?  
[20 markah]
- [b] Jelaskan pergabungan konsep perspektivisme dengan konsep pragmatisme dalam falsafah Nietzsche. Nilai kedua-dua konsep tersebut secara kritis.  
[40 markah]
- [c] Bincangkan perbezaan antara “moraliti tuan” dan “moraliti hamba” dalam falsafah Nietzsche. Pastikan anda mengambil kira konsep “kehendak-untuk-kuasa”.  
[40 markah]